

Motosikal dan go-kart dijalankan.

Seramai 100 orang pelumba (termasuk 10 dari Thailand) akan menyertai perlumbaan ini yang dijadualkan bermula pukul 9 pagi.

Lima kategori perlumbaan akan dipertandingan iaitu KSR, Go-Kart, Cup Prix 110cc, Super Moto dan Cup Prix 135cc.

Naib Canselor, Tan Sri Dr. Nordin Kardi dijangka akan melakukan acara perlepasan (*flag-off*) bagi perlumbaan tersebut yang dijalankan dalam dua pusingan sebelum pusingan akhir.

Perlumbaan peringkat akhir dijadualkan bermula pukul 2.30 petang bagi kelima-lima kategori.

Selain perlumbaan go-kart dan motosikal pertunjukan '*stunt*', berlumba bersama artis, ceramah, sesi bergambar, ramah mesra dan persembahan hiburan turut diadakan.

Para penonton berpeluang beramah mesra bersama artis-artis jemputan mulai pukul 4.30 petang.

Sementara itu, pada sebelah malam, ketiga-tiga artis jemputan akan berinteraksi bersama pelajar UUM dalam satu acara khas anjuran Pusat Ekuin UUM.

habis

'TRANSFORMASI HEP'

**DARIPADA
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Disambungkan kepada Microsoft Exchange